

# PRUlink Asian multi-asset fund

Semua data seperti pada 31 Disember 2017 melainkan jika dinyatakan

## Ciri-ciri Dana


Objektif Dana	<p><b>PRUlink Asian multi-asset fund</b> ('The Fund') bertujuan untuk menyediakan pertumbuhan perdapatan dan modal dalam jangka sederhana hingga panjang, dan sebarang perdapatan yang dibayar akan dilaburkan semula ke dalam Dana. Dana ini bertujuan untuk memberi pendedahan kepada pelbagai portfolio yang terdiri terutamanya daripada ekuiti Asia dan sekuriti pendapatan tetap Asia.</p> <p>Pada permulaan, dana ini akan melabur ke dalam Schroder Asian Income (SGD Class), yang merupakan 'Target Fund'.</p> <p>Dana ini juga boleh melabur di dalam dana-dana lain dengan objektif yang sama yang mungkin boleh didapati pada masa akan datang.</p>
Strategi Pelaburan & Pendekatan	<p><b>Strategi Pelaburan</b> Dana ini akan melabur dalam skim pelaburan kolektif yang memberi pendedahan kepada pelbagai portfolio yang terdiri terutamanya dalam ekuiti Asia dan sekuriti pendapatan tetap Asia.</p> <p><b>Strategi Pendekatan</b> Target Fund akan memperuntukkan antara ekuiti Asia, sekuriti pendapatan tetap Asia, tunai dan pelaburan lain yang dibenarkan untuk mencapai objektifnya. Target Fund akan menggunakan pendekatan kitaran peruntukan aset di mana campuran aset akan diselaraskan mengikut empat fasa kitaran ekonomi - pemulihan, pengembangan, kelembapan dan kemelesetan - berdasarkan kombinasi faktor-faktor asas dan kuantitatif seperti penilaian kelas aset, data makroekonomi dan kecairan. Tunai akan dianggap sebagai kelas aset yang berasingan dan akan digunakan jika perlu untuk menghadkan risiko menurun semasa keadaan pasaran yang buruk.</p> <p>Target Fund juga akan melaksanakan pemilihan sekuriti aktif untuk pelaburannya dalam ekuiti Asia, pendapatan tetap Asia dan pelaburan lain yang dibenarkan. Untuk portfolio ekuiti Asia, Target Fund berniat untuk memberi tumpuan kepada syarikat-syarikat yang mampu untuk mewujudkan nilai pemegang saham yang mempunyai aliran pendapatan yang kukuh, stabil dan mempunyai hasil dividen yang mampan dan kuat. Untuk portfolio pendapatan tetap Asia, Target Fund berniat untuk memilih sekuriti yang memberikan hasil yang menarik dan pertumbuhan modal dengan mengambil kira kedua-dua pandangan asas dan teknikal seperti penilaian, keadaan permintaan/bekalan dan kecairan. Target Fund boleh melabur sehingga 10% daripada asetnya di China A-Shares melalui Connect Stock.</p> <p>Target Fund juga akan menguruskan kesan perubahan kadar faedah ke atas nilai portfolio.</p>
Peruntukan Aset	Dana melabur minimum 95% Dana NAV dalam Dana Sasaran yang ditentukan oleh Pengurus Dana. Dana juga akan melabur maksimum 5% Dana NAV ke dalam aset cair.
Piawaian Prestasi	50% MSCI AC Asia Pacific ex Japan Net + 50% JP Morgan Asia Credit Index (SGD Hedged) <i>Sumber: <a href="http://www.msci.com">www.msci.com</a> dan <a href="http://www.jpmorganindices.com/indices/listing">www.jpmorganindices.com/indices/listing</a></i>
Pengurus Dana	Prudential Assurance Malaysia Berhad (107655-U)
<b>Yuran &amp; Caj</b>	
Caj Pengurusan Dana	Sehingga 1.5%* setiap tahun <i>* Caj pelaburan sebenar yang akan dikenakan untuk PRUlink Asian multi-asset fund adalah tertakluk kepada pengagihan aset bagi dana, yang akan berada dalam lingkungan 1.00% bagi pengagihan sekuriti pendapatan tetap, kepada 1.50% untuk pengagihan bagi aset yang lain. Caj pelaburan sebenar akan ditetapkan pada dasar bulanan dan akan disemak apabila perkadaran dana yang diagihkan bagi sekuriti pendapatan tetap bertukar lebih 10% semenjak caj pelaburan terdahulu ditetapkan.)</i>
Caj-caj lain, jika ada	Tiada

Sila ambil perhatian bahawa dana PRUlink global bukanlah produk patuh Syariah dan prestasi pelaburan dana-dana tidak dijamin.

# PRUlink Asian multi-asset fund

Semua data seperti pada 31 Disember 2017 melainkan jika dinyatakan

## Prestasi Dana



Nota : Graf-graf adalah bagi tujuan penjelasan sahaja. Prestasi masa lalu bukan tanda prestasi masa depannya.

Tahun	Prestasi PRUlink Asian multi-asset fund	Piawalan Prestasi 50% MSCI AC Asia Pacific ex Japan Net + 50% JP Morgan Asia Credit Index (SGD Hedged)
2016	0.50%*	4.37%*
2017	4.86%	12.73%

\*Prestasi dana adalah dari tarikh pelancaran dana sehingga akhir tahun untuk tahun yang sama (pulangan bukan tahunan).

## Maklumat tambahan untuk PRUlink Asian multi-asset fund

PRUlink Asian multi-asset fund melabur ke dalam *Schroder Asian Income (SGD Class)*, yang diuruskan oleh Schroder Investment Management (Singapore) Ltd.

Yuran pengurusan mungkin dikenakan ke atas Dana dan / atau Dana Sasaran. Mohon ambil perhatian bahawa anda akan dikenakan caj maksima sebanyak 1.50%, sebagai caj pengurusan dana gabungan ke atas Dana dan Dana Sasaran. Dana Sasaran dengan strategi pelaburan yang melabur dalam Dana Dagangan Pertukaran ("ETF") atau Skim Pelaburan Kolektif lain yang mungkin menanggung perbelanjaan tambahan dalam Dana Sasaran yang di ambil kira sebagai sebahagian daripada pertimbangan strategi pelaburan bagi mencapai prestasi dana.

Prestasi dana untuk Target Fund, *Schroder Asian Income (SGD Class)* seperti pada 31 Disember 2017 adalah seperti berikut:

Tempoh	3-bulan	6-bulan	1-tahun	3-tahun	5-tahun	Sejak Permulaan (21 Okt 2011)
Asas	Bukan-Tahunan			Tahunan		
Prestasi Bersih	2.20%	3.20%	9.00%	4.90%	6.00%	8.10%

Nota: Prestasi atas adalah untuk Target Fund SGD Class.

Sumber: Morningstar, 31 Disember 2017

## Asas kiraan prestasi masa lalu:

$$= \left( \frac{\text{Nilai Aset Bersih pada akhir Tahun } n}{\text{Nilai Aset Bersih pada akhir Tahun } n-1} - 1 \right) \%$$

Nota: Prestasi dana masa lalu bukan tanda prestasi masa depannya. Ini hanya adalah prestasi dana pelaburan, dan bukanulangan daripada premium yang dibayar oleh produk insurans berkaitan pelaburan.

# PRUlink Asian multi-asset fund

Semua data seperti pada 31 Disember 2017 melainkan jika dinyatakan

## Risiko-Risiko Pelaburan untuk PRUlink Asian multi-asset fund

Dana ini tertakluk kepada risiko-risiko pelaburan termasuk kemungkinan kehilangan amaun prinsipal yang dilaburkan. Nilai unit mungkin turun dan juga naik. Selain itu, Dana ini juga tertakluk kepada risiko tertentu termasuk dan tidak terhad kepada:

### **Risiko-Risiko umum apabila Melabur dalam Dana ini (The Fund)**

#### **Risiko Pasaran dalam Asia**

Nilai pelaburan Dana ini boleh naik dan turun disebabkan oleh perubahan keadaan ekonomi, politik, keadaan pasaran, atau disebabkan oleh keadaan individu penerbit.

Nilai pelaburan Dana ini boleh naik dan turun disebabkan oleh perubahan keadaan ekonomi, politik atau pasaran, atau kerana keadaan individu penerbit. Pasaran baru muncul, terutamanya pasaran sempadan, secara amnya membawa risiko politik, undang-undang, pihak kaunterparti dan operasi yang lebih tinggi.

#### **Risiko Ketidapatuhan**

Risiko ini timbul daripada ketidakpatuhan dengan undang-undang, peraturan dan undang-undang, praktik-praktik yang ditetapkan serta dasar dan prosedur dalaman syarikat pengurusan, contohnya, akibat kesilapan syarikat pengurusan. Ketidapatuhan ini boleh memaksa syarikat pengurusan untuk menjual sekuriti-sekuriti Dana ini dengan kerugian untuk membetulkan ketidakpatuhan dan maka menjejaskan nilai pelaburan pelabur dalam Dana ini. Untuk mengurangkan risiko ini, kawalan dalaman telah disediakan oleh Pengurus Dana untuk menegaskan pematuhan undang-undang, peraturan dan undang-undang, praktik-praktik yang ditetapkan serta dasar dan prosedur dalaman Pengurus Dana dengan berterusan.

#### **Risiko Inflasi**

Risiko ini merujuk kepada kemungkinan pelaburan pelabur tidak seiring dengan inflasi, maka mengakibatkan kekurangan kuasa beli pelabur walaupun pelaburan dalam segi kewangan mungkin telah meningkat.

#### **Risiko Mata Wang**

Dana ini berdenominasi dalam MYR, manakala Dana Sasaran mungkin berdenominasi dalam mata wang lain. Prestasi Dana mungkin dipengaruhi oleh pergerakan dalam kadar penukaran antara mata wang USD dan mata wang Dana Sasaran. Di mana berkenaan, lindung nilai mata wang atau kelas dana yang melindungi nilai mata wang mungkin digunakan untuk meminimumkan risiko mata wang.

#### **Risiko Derivatif**

Derivatif mungkin digunakan untuk melindungi nilai daripada sebarang risiko yang mungkin dikaitkan dengan melabur dalam Dana Sasaran, seperti, tetapi tidak terhad kepada, risiko mata wang.

#### **Risiko Pengurusan Dana Sasaran**

Walaupun Pengurus Dana akan menggunakan kemahiran dan kecermatan yang sewajarnya dalam memilih Dana Sasaran, ia tidak mempunyai kawalan dalam pengurusan Dana Sasaran dan pulangan Dana ini adalah tidak terjamin. Ini mungkin menjejaskan nilai pemegang-pemegang polisi pelaburan dalam Dana ini. Dana Sasaran mungkin mengubah objektifnya dan menjadi tidak selaras dengan objektif Dana ini. Dalam keadaan itu, Pengurus Dana akan menggantikan Dana Sasaran dengan skim pelaburan kolektif lain yang Pengurus Dana menganggap lebih sesuai untuk memenuhi objektif Dana ini.

### **Risiko-Risiko Khusus apabila Melabur dalam Dana Sasaran (Target Fund)**

#### **Risiko Kaunterparti**

Kaunterparti kepada derivatif atau perjanjian kontrak yang lain atau produk kewangan sintetik lain boleh menjadi tidak mampu untuk memenuhi komitmennya kepada Dana Sasaran, berpotensi mewujudkan kerugian praktikal atau sepenuhnya untuk Dana Sasaran.

#### **Risiko kecairan**

Tiada pasaran sekunder bagi Dana Sasaran. Semua permintaan penebusan hendaklah dibuat kepada Pengurus atau ejen yang dilantik.

#### **Risiko Mata Wang**

Pelaburan dasar Dana Sasaran atau Dana-Sub mungkin berdenominasi dalam mata wang tempatannya, yang mungkin berbeza daripada mata wang Dana Sasaran atau Dana-Sub. Prestasi Dana Sasaran atau Dana-Sub mungkin dipengaruhi oleh pergerakan kadar penukaran antara mata wang tempatan pelaburan dasar dan mata wang denominasi Dana Sasaran atau Dana-Sub.

# PRUlink Asian multi-asset fund

Semua data seperti pada 31 Disember 2017 melainkan jika dinyatakan

## Risiko Derivatif

Pengurus Dana Sasaran atau Pengurus Dana-Sub mungkin melabur dalam derivatif yang akan tertakluk kepada risiko. Walaupun penggunaan derivatif secara bijaksana oleh pengurus-pengurus pelaburan profesional boleh mendatangkan manfaat, namun derivatif melibatkan risiko yang berbeza daripada, dan dalam sesetengah hal, lebih tinggi daripada risiko yang terdapat dalam pelaburan sekuriti yang lebih tradisional. Antara risiko yang dikaitkan dengan derivatif ialah risiko pasaran, risiko pengurusan, risiko kredit, risiko kecairan dan risiko keumpulan. Pelaburan dalam derivatif mungkin memerlukan wang pendahuluan atau margin permulaan dan margin tambahan dengan notis yang singkat jika pasaran bergerak berlawanan dengan kedudukan pelaburan. Jika tiada peruntukan dibuat bagi margin yang diperlukan dalam tempoh masa yang ditetapkan, maka pelaburan itu mungkin dicairkan pada harga yang merugikan. Justeru itu, pelaburan dalam derivatif perlu sekali diawasi dengan rapi.

Pengurus Dana Sasaran atau Pengurus Dana-Sub mempunyai kawalan yang diperlukan bagi pelaburan dalam derivatif dan mempunyai sistem-sistem yang sesuai untuk mengawasi kedudukan derivatif bagi Dana Sasaran atau Dana-Sub ini. Pengurus Dana Sasaran atau Pengurus Dana-Sub tidak berhasrat untuk menggunakan urus niaga derivatif bagi tujuan spekulasi atau keumpulan tetapi mungkin menggunakannya untuk pengurusan portfolio yang cekap dan/atau pengurusan risiko. Risiko mata wang merupakan salah satu risiko pasaran yang akan dihadapi oleh dana ini dan nilai boleh dilindung dengan menggunakan derivatif seperti kontrak depan/niaga hadapan pertukaran asing. Selalunya risiko mata wang pendasar mungkin ditanggung akibat membeli ekuiti atau bon pendasar. Jika Pengurus Dana Sasaran atau Pengurus Dana-Sub tidak mahu menanggung risiko mata wang yang dikaitkan dengan aset pendasar ini, Dana Sasaran atau Dana-Sub ini boleh menggunakan kontrak Depan Pertukaran Asing untuk melindungi nilai sebarang risiko mata wang yang timbul daripada pemegangan kedudukan mata wang bukan asas. Pada dasarnya, penggunaan kontrak depan mata wang ini ialah untuk melindungi nilai dana daripada risiko mata wang dalam Dana Sasaran atau Dana-Sub. Penggunaan kontrak depan pertukaran asing untuk aktiviti lindung nilai ini pula boleh menimbulkan risiko pengendalian dan garis panduan tambahan dan risiko-risiko ini dihuraikan dalam keterangan terperinci mengenai pengurusan risiko derivatif

## Risiko Ekuiti

Harga ekuiti berubah-ubah setiap hari, berdasarkan banyak faktor termasuk berita umum, ekonomi, industri atau syarikat.

## Risiko Kredit

Terdapat risiko bahawa gred sekuriti pelaburan yang Dana Sasaran melabur boleh diturunkan kerana keadaan pasaran yang buruk. Dana Sasaran boleh melabur dalam sekuriti hutang di bawah gred pelaburan yang biasanya disertai dengan tahap risiko kaunterparti, risiko kredit dan risiko kecairan yang lebih tinggi daripada sekuriti yang diberi nilai lebih tinggi dan memberikan pulangan yang lebih rendah. Pelaburan dalam sekuriti hutang yang tidak diberi nilai mungkin tertakluk kepada risiko yang sama dengan pelaburan yang berkaitan dengan sekuriti hutang di bawah gred pelaburan.

## Risiko Operasi

Kegagalan pada pembekal perkhidmatan boleh membawa kepada gangguan operasi dana atau kerugian dana. Perkara di atas tidak sepatutnya dianggap sebagai senarai risiko-risiko lengkap yang sepatutnya diambil kira oleh pelabur berpotensi sebelum melabur di dalam Dana ini. Pelabur berpotensi sepatutnya sedar bahawa sebarang pelaburan di dalam Dana ini mungkin terdedah kepada risiko-risiko lain yang bersifat luar biasa dari semasa ke semasa.

# PRUlink Asian multi-asset fund

Semua data seperti pada 31 Disember 2017 melainkan jika dinyatakan

## Pengurusan Risiko

Proses pemantauan dilaksanakan untuk menilai prestasi Dana Sasaran dan kepatuhannya kepada objektif dana. Jika Dana Sasaran mengubah objektif dan/atau menjadi tidak sejajar dengan objektif dana; atau jika prestasi Dana Sasaran adalah konsisten buruk, Pengurus Dana akan menggantikan Dana Sasaran dengan skim pelaburan kolektif lain yang mempunyai objektif yang sama.

### Dana Sasaran:

Schroders menggunakan beberapa alat pengurusan risiko yang direka khas untuk digunakan dalam portfolio pelbagai aset.

#### 1. Schroders Multi-Asset Risk Technology (SMART)

SMART model peruntukan optimum kepada aset dan strategi aktif yang diperlukan untuk mencapai portfolio objektif. Pasukan menggunakan alat ini untuk menentukan sejauh mana risiko aktif (alpha) dan risiko pasaran (beta) secara berasingan, untuk mendapatkan pulangan yang lebih tinggi daripada strategi pelaburan.

#### 2. Fixed Income Analytics (FIA)

Fixed Income Analytics adalah platform global strategik untuk menyampaikan analisis portfolio dan data keselamatan untuk Pendapatan Tetap dalaman, Hutang Pasaran Baru Muncul dan pelanggan komoditi. Ia mempunyai keupayaan berikut:

- Alat analisis dalaman bagi melaporkan kedudukan harian, nilai pasaran dan menyebarkan maklumat.
- Menyediakan data harian risiko (peruntukan, kadar faedah, kredit, risiko FX) kepada pengurus dana dan pemantauan kakitangan.
- Menyediakan portfolio permulaan hari dan data kedudukan penanda aras.
- Tahap keselamatan Individu analisis.
- Laporan Fleksibel, keupayaan untuk membina dari data tahap keselamatan ke dalam baldi pengagregatan adat seperti tempoh, penarafan kredit, baldi matang, dan lain-lain

#### 3. Portfolio Risk Investment Strategy Manager (PRISM)

PRISM adalah sebuah aplikasi dalaman yang mengenal pasti risiko, saiz, beta, kedudukan bukan indeks dan sumber risiko dengan menguraikan portfolio ke dalam saham tertentu, sektor dan pendedahan ciri. Data PRISM yang berasaskan risiko diperolehi daripada sistem luaran, iaitu Style Reseach.

Maklumat juga disediakan pada pendedahan portfolio kepada ciri-ciri gaya. Maklumat mengenai saham dan kepelbagaian aset dipaparkan sebagai sumbangan kecil kepada kesilapan pengesanan. PRISM juga membolehkan pengurus dana untuk menilai kesan kemungkinan keputusan mengenai profil risiko keseluruhan portfolio, dengan itu berharap pada kesan strategi yang berpotensi.

# PRUlink Asian multi-asset fund

Semua data seperti pada 31 Disember 2017 melainkan jika dinyatakan

## Maklumat Lain

<ul style="list-style-type: none"><li>• Pasaran Sasaran</li></ul>	<p>Pemegang-pemegang polisi yang:-</p> <ul style="list-style-type: none"><li>• Mencari pertumbuhan modal;</li><li>• Memahami risiko yang berkaitan dengan pelaburan dalam ekuiti Asia dan sekuriti pendapatan tetap Asia; dan</li><li>• Mempunyai daya toleransi risiko sederhana sehingga tinggi .</li></ul>
<ul style="list-style-type: none"><li>• Dasar &amp; Kekerapan Tarikh Penilaian</li></ul>	<ul style="list-style-type: none"><li>• Penghargaan unit dibuat setiap hari.</li><li>• Harga Unit bagi dana <b>PRU</b>link global tertentu pada sebarang Tarikh Penilaian hendaklah bersamaan nilai dana dibahagi dengan bilangan unit yang dikeluarkan pada Tarikh Penilaian.</li><li>• Nilai dana ialah nilai semua aset dana <b>PRU</b>link global selepas memotong belanja untuk menguruskan, memperoleh, menyenggara, pengkekal dan penilaian aset Dana ini, cukai atau levi megikut undang-undang yang ditanggung oleh Prudential Assurance Malaysia Berhad (“Prudential”) ke atas pendapatan pelaburan atau keuntungan modal aset Dana ini dan sebarang pendapatan terakru atau dijangkakan.</li><li>• Tarikh Penilaian hendaklah merupakan tarikh yang dipilih oleh Prudential dari semasa ke semasa, tetapi tidak kurang kerap daripada sekali sehari, untuk tujuan menentukan harga unit.</li><li>• Prudential akan menilai dana-dana <b>PRU</b>link global tersebut pada akhir hari perniagaan (Tarikh Penilaian). Walaubagaimanapun, nilai dana-dana <b>PRU</b>link global yang dilaburkan dalam syer, sekuriti faedah tetap dan instrumen pasaran wang pada akhir suatu Tarikh Penilaian hanya akan diketahui satu hari perniagaan nanti. Harga Unit dana <b>PRU</b>link global akan ditentukan oleh Prudential pada suatu Tarikh Penilaian hanya akan dibuat dan diberitahu kepada pemegang polisi selepas 2 hari perniagaan nanti (T+2).</li><li>• Untuk mendapatkan balik kos memperoleh dan membuang aset-aset, pembetulan kos urus niaga mungkin dibuat untuk nilai dana untuk memulihkan sebarang jumlah yang telah atau dijangka akan dibayar oleh Dana ini untuk penghasilan dan pembatalan unit-unit.</li></ul>
<ul style="list-style-type: none"><li>• Keadaan-keadaan luar biasa</li></ul>	<ul style="list-style-type: none"><li>• Prudential tidak dipaksa untuk menebus atau menukar pada Hari Penilaian lebih daripada 10% dana <b>PRU</b>link global yang lebih pada Hari Penilaian.</li><li>• Prudential juga berhak dalam keadaan pengecualian (sebagai contoh, bila terdapat jumlah jualan pelaburan jangka masa yang pendek) untuk menangguhkan penukaran atau penebusan Unit-unit dan/atau penyerahan Polisi untuk tempoh tidak melebihi enam (6) bulan dari tarikh permohonan.</li><li>• Prudential mungkin menangguhkan penghargaan unit dan urusniaga polisi jika mana-mana penukaran di mana Dana ini dilaburkan ditunda dari berdagang untuk sementara. Dalam keadaan tersebut, suatu notis untuk penangguhan mungkin diterbitkan dan mungkin diberitahu kepada pemegang polisi apabila tokokan, penukaran, penebusan atau pengeluaran ke/dari dana <b>PRU</b>link global.</li></ul> <p>Senarai keadaan-keadaan luar biasa di atas tidak lengkap. Sila rujuk kepada dokumen polisi anda untuk butir-butir yang lengkap.</p>